


LATEST NEWS



Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang (PSM UMP) Adakan Pra Perbincangan Dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) Dan Dua (2) Universiti Dari Indonesia (Universitas Islam Riau (UIR) Dan Universitas Telkom (Tel-U)) Untuk Inisiatif Geran Padana

Last Updated: 20 October 2022, Hits: 46

Pada 1 Ogos 2022, Pra Perbincangan mengenai inisiatif geran padanan antarabangsa telah diadakan secara dalam talian yang melibatkan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan dua (2) buah institusi daripada Indonesia iaitu Universitas Islam Riau (UIR) dan Universitas Telkom (Tel-U). Hasil perbincangan telah memutuskan sebanyak tujuh (7) projek yang melibatkan pelbagai disiplin diusulkan untuk cadangan penyelidikan bagi geran padanan antarabangsa.



UMP telah diwakili oleh tujuh (7) pensyarah dari Pusat Sains Matematik (PSM) iaitu Profesor Madya Dr Norhayati Rosli, Profesor Madya Dr Abdul Rahman Mohd Kasim, Profesor Madya Dr Mohd Sham Mohamad, Dr Zulkhibri Ismail, Dr Nor Aida Zuraimi Md Noar, Dr Noryanti Muhammad dan Dr Wan Nur Syahidah Wan Yusoff. Kepakaran setiap penyelidik dari institusi yang terlibat telah dikenal pasti untuk memacu projek-projek yang dicadangkan. Tahniah dan syabas untuk semua penyelidik yang terlibat terutama daripada Pusat Sains Matematik, UMP.

Disediakan oleh: Prof. Madya. Dr. Abdul Rahman Bin Mohd Kasim